

UCAPAN TANGGUHAN OLEH YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HAJI MOHD. ALI
YANG DIPERTUA BAKTI
DI PERASMIAN MESYUARAT AGUNG BAKTI YANG KE-11
DI SRI PERDANA, KUALA LUMPUR
PADA HARI SELASA, 28HB. JUN, 1988

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Saudari-saudari dan saudara yang saya hormati,

Syukur kepada Allah Subhanahu Wataala, Mesyuarat Agung BAKTI yang ke-11 telahpun selamat sempurna.

2. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada saudari-saudari dan saudara kerana bersama-sama bersabar membincang, merancang dan memilih Jawatankuasa Tadbir baru. Saya ucapkan syabas atas pemilihan itu dan tahniah kepada yang dipilih. Kita yang duduk dalam Jawatankuasa Tadbir baru sesi 88/89 tidak akan lari daripada tugas-tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan untuk BAKTI terus maju dan berbakti kepada ahli-ahli serta masyarakat amnya.

... Saya/-

3. Saya berdoa kepada Allah Subhanahu Wataala supaya dikurniakanNya kesejahteraan, keimanan dan taufik dan hidayahNya kepada kita semua demi kebaikan BAKTI dan masyarakat.

4. Sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua ahli-ahli dalam BAKTI yang menyumbangkan juadah, tenaga dan masa untuk Majlis Perasmian dan Mesyuarat Agung ini. Sebutan istimewa bagi Setiausaha Kerja Datin Faridah, Bendahari Kerja Datin Ena, Encik Kamal, Juru Odit, Pengerusi-pengerusi Jawatankuasa Kecil yang membuat laporan masing-masing.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum.

